

Syor Asean tentang Kampuchea paling

sesuai, kata Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Tengku Rithauddeen

NEW YORK, Rabu — Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, yakin sidang antarabangsa mengenai Kampuchea yang sedang berlangsung di sini akan mencapai satu perisytiharan yang hampir sama dengan pendapat Malaysia dan lain-lain negara Asean.

D a l a m s a t u temuramah di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selepas tamat perbahasan hari kedua hari ini, beliau berkata syor Asean adalah paling sesuai bagi mencapai penyelesaian politik di Kampuchea.

Bagaimanapun, dalam persidangan seumpama ini, pendapat semua negara peserta diberi pertimbangan untuk memastikan kenyataan yang dikeluarkan nanti diterima oleh semua pihak.

Bersengketa

Menurut beliau, jawatankuasa kerja dipengerusikan oleh Senegal, yang kini mengkaji rangka perisytiharan itu yang berasal dari syor Asean dan dipinda atas permintaan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dan negara-negara berkecuali.

Tengku Rithauddeen berkata, beliau puas hati dengan hasil persidangan itu setakat ini. Sambutan dari negara-negara berkenaan juga sangat menggalakkan.

"Sebenarnya ada pihak-pihak berkata jika

40 negara menyertai persidangan tersebut sudah mencukupi. Kini 80 negara menyertainya dan di antaranya diwakili oleh Menteri Luar masing-masing. Kita patut bergembira dengan sambutan ini," katanya.

Menyentuh cara-cara undangan penyertaan, Beliau berkata, Malaysia berharap ketiga puak bersengketa di Kampuchea dapat menyertai persidangan tersebut kerana ia melibatkan mereka.

Bagaimanapun, sidang semalam hanya membenarkan dua pihak, iaitu kumpulan Sonn Sann dan kumpulan Sihanouk. Sementara penyertaan perwakilan Heng Samrin dirujuk kepada para pegawai persidangan untuk pengesahan selanjutnya.

Mengulas syor China seperti yang ditegaskan oleh Menteri Luarnya, Encik Han Nianlong semalam, Tengku Rithauddeen berkata, beliau tidak fikir terdapat perbezaan asas antara China dengan negara-negara lain untuk m e n d a p a t k a n penyelesaian yang dirundingkan bagi masalah tersebut.

Sebenarnya, syor China bagi diwujudkan sebuah negara Kampuchea yang merdeka, tidak memihak dan berkecuali dijamin oleh anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan, Asean dan negara-negara lain adalah selaras dengan pendirian Asean.